

28.6.2021_Harian Metro_MOSTI_Vaksin ibu bersalin sebelum pulang

Vaksin ibu bersalin sebelum pulang

Petaling Jaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mencadangkan supaya para ibu yang bersalin di hospital diberikan suntikan vaksin Covid-19 sebelum pulang ke rumah.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, langkah itu bagi memudahkan mereka mendapatkan vaksin, namun perlu berdasarkan nasihat daripada pakar.

"Saya nak cadangkan agar ibu-ibu selepas bersalin dapat diberikan vaksin di hos-

pital sekiranya bersesuaian...maksudnya, tidak perlu balik ke rumah dan kena datang semula ke PPV (pusat pemberian vaksin) untuk dapatkan vaksin.

"Namun, semuanya bergantung kepada pakar sekiranya dirasakan sesuai berbuat demikian," katanya selepas meninjau proses vaksinasi ibu mengandung di PPV Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di sini, semalam.

Seramai 2,600 wanita hamil dijangka menerima suntikan vaksin di PPV ter-

babit semalam.

Terdahulu, beliau serta Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin mengiringi Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengadakan lawatan ke PPV berkenaan.

Menurut Rina, hampir 110,000 wanita hamil sudah mendaftar untuk mendapatkan vaksinasi melalui MySejahtera dan setakat ini, seramai 11,000 individu sudah mendapat janji temu.